



NEGERI SABAH

JPAN(S): 900-1/91/ Klt.18/ (43)

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2017

PINDAAN PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2015

PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN HARTA OLEH PEGAWAI AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan meminda Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2015 berkenaan "tempoh perisytiharan harta" bagi semua Pegawai Kumpulan Pelaksana, Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang menyandang jawatan sensitif.

DEFINISI

2. Penambahan definisi dalam pekeling ini adalah seperti berikut:

"Jawatan Sensitif" bermaksud jawatan yang dibekalkan dengan kuasa dan:

- a. terlibat secara langsung dengan pelanggan semasa menguatkuasakan undang-undang;
- b. terlibat secara langsung dengan pelanggan semasa memproses sesuatu permohonan yang boleh menghasilkan pulangan kewangan atau apa-apa bentuk habuan; dan
- c. penyandanganya dikehendaki menjalankan tugas membuat bayaran kepada atau membuat kutipan hasil daripada pelanggan.

PINDAAN DEFINISI

3. Definisi "Perisytiharan harta" di bawah perenggan 2 di dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2015 hendaklah dipinda dan disebut seperti berikut:

"Perisytiharan harta" bermaksud perisytiharan harta kali pertama, perisytiharan semula selepas tempoh lima (5) atau dua (2) tahun, harta tambahan, pelupusan harta dan termasuk pengakuan tiada perubahan ke atas pemilikan harta.

TEMPOH PERISYTIHARAN HARTA

4. Perenggan 5 di dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 1/2015 hendaklah digantikan seperti berikut:

"(i) Seseorang pegawai yang **tidak** menyandang, memangku atau menanggung apa-apa jawatan sensitif, sama ada daripada **Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional** atau **Kumpulan Pengurusan Tertinggi** hendaklah membuat perisytiharan harta sekurang-kurangnya **sekali dalam tempoh lima (5) tahun**.

(ii) Manakala, seseorang pegawai yang menyandang, memangku atau menanggung apa-apa jawatan sensitif, sama ada daripada **Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional** atau **Kumpulan Pengurusan Tertinggi** hendaklah membuat perisytiharan harta sekurang-kurangnya **sekali bagi setiap dua tahun** perkhidmatan.

(iii) Bagi maksud Pekeliling ini, "tempoh perisytiharan harta" dikira bermula dari tarikh terakhir perisytiharan harta yang dibuat oleh pegawai tersebut."

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeling ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeling ini dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

